



جامعة الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
جامعة إسلامية دولية بماليزيا

HAK-HAK ORANG YANG DI TUDUH

DISEDIAKAN

O
L
E
H

HJ. MOHD DOM BIN MAT NONG
DIPLOMA UNDANG-UNDANG

DAN

PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESSI 88/89
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PENYELIA

PROF. MADYA DR. MAHMUD SAEDON
PROFESSOR MAHMOUD SAEDON BIN SAEEDON
HJ. AWANG OTHMAN
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

BP 63 - 51
158 63 - 52
A188 63 - 53
MA.522 63 - 54
1989 63 - 55

73. Hukum adil dan adilah dalam mengadili orang yang di tuduh

BP 63 - 55

74. Tidak ada kepentingan yang di tuar dalam mengadili orang yang di tuduh

63 - 56

75. Hukum adil dan adilah dalam mengadili orang yang di tuduh

63 - 57

ISI KANDONGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Penghargaan	1 - 2
2.	Pendahuluan	3 - 5

BAB I

4.	Menegakkan keadilan Islam (Mahkamah)	6 - 18
5.	Kemuliaan Manusia	19 - 21

BAB II

6.	Takrif Jarimah	22 - 25
7.	Jenis Jarimah dan Muraiannya dan Hukumnya.	26 - 46
8.		

BAB III

9.	Penentuan syarat terdapat hak Allah dan hak hamba (manusia)	47 - 51
10.	Berkaitan dengan hak orang yang dituduh aduan yang sah	51 - 54
11.	Mengikut Undang-Undang Malaysia (Parlimenagaan) seorang yang dituduh diberi beberapa hak	54 - 55
12.	Permakluman kepada yang dituduh	55 - 62
13.	Cara permakluman dibuat dan keengganahan hadir ke Mahkamah.	62 - 65
14.	Tindakan tarhadap yang dituduh dan berapa lama yang dibenarkan.	66 - 68
15.	Hak yang dituduh diberi peluang membela diri.	69 - 72

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
16.	Hak yang dituduh membela dirinya.	73 - 74
17.	Hak yang dituduh untuk diwakili peguam (Muhami)	75 - 81
18.	Hak yang dituduh diberi jaminan	82 - 85
19.	Hak yang dituduh diberi (Suih) (Penyelesaian di luar Mahkamah)	86 - 93
20.	Hak yang dituduh untuk mengetahui maklumat pihak yang manuduh dan menyatakan balas.	94 - 95
21.	Hak yang dituduh diberi peluang untuk merayu.	96 - 101
22.	Hak yang dituduh diberi peluang untuk memohon keringanan dan kemaafan.	102 - 103
23.	Kesimpulan	103 - 104

BAB IV

24. LAMPIRAN A Kertas Acara Jenayah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1988.
Yang mana ada kaitan dengan hak-hak orang dituduh dan yang berkaitan dengan Jadual Borang.
25. LAMPIRAN B contoh-contoh kes Jenayah dan Kes Mat yang telah diputus di Mahkamah Rendah Syariah, Kuala Terengganu, 1988 - 1989.

Penghargaan:

Segala puji bagi Allah selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah s.a.w. dan para-para sahabat baginda yang menurut jejak langkah baginda kesemuanya.

Yang pertama-tama ucapan ribuan terima kasih penulis kepada Prof. Madya Doktor Mahmud Saedon bin Awang Othman yang telah mencurahkan segala tenaganya dalam memberi bimbingan terhadap kursus dan menyediakan kertas projek ini dan ucapan ribuan terima kasih juga kepada Prof. Madya Ustaz Abdullah bin Abu Bakar dan Prof. Madya Haji Salleh bin Haji Buang dan Prof. Ahmad Mohamad Ibrahim bin Ahmed Joned dan ribuan terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Malaysia dan Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan tenaga yang ada inilah penulis merasakan amat bertuah sekali kerana dapat menimba sedikit sebanyak keilmuan dalam bidang Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Penulis percaya dengan adanya tenaga-tenaga yang berkemampuan ini yang mempunyai otoriti yang dikira benar-benar mengamarkan suatu pembaharuan ke arah mewujudkan suatu sistem perundangan Islam yang jitu dan melalui Nahkalah melatih hakim-hakim supaya dapat mengendalikan kes-kes yang dikira benar-benar sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Semoga Mahkamah Syariah dan Hakim-Hakimnya suatu
hari nanti diletakan di tempatnya yang asal.

Akhirnya penulis sekali lagi mengucapkan ribuan
terima kasih.

Wassalam.

(HAJI MOHD ROM BIN MAT NONG)
Kursus Diploma Undang-Undang dan
Pentadbiran Kehakiman Islam
Universiti Islam Antarabangsa.

Pendahuluan:

الحمد لله الذي علم الانسان بعده جعله وهذا بعده مثال
ونفعه بعد غفلة، والصلة والسلام على محمد رسول الله الذي
ارسله ربه للناس كافة بغيرها ونزيها وما يداها وجعلها ليحملك
من هلك عن بيته ويحيى من حي عن بيته *

Sebelum kita malangkah perbincangan hak orang tertuduh
membela dirinya alangkah baik kita terlebih dahulu mem-
bincangkan soal keadilan yang dikehendaki oleh Islam dan
peranan Mahkamah di dalam mentadbirkannya.

Bahawa kita tidak merasakan ragu-ragu lagi sesungguhnya
Islam dan syariat telah membuat penetapan bersama dalam
masalah hak kebebasan individu dimana kebebasan yang
berkaitan dengan keselamatan tubuh badan manusia dimana
tidak dibenarkan oleh Islam untuk dibinasakan dengan
cara yang keras dan hendaklah bebas manusia dari tempat
tinggalnya sebagaimana wujudnya persamaan dalam Undang-
Undang dan persamaan dihadapan pengadilan Mahkamah dan
persamaan dalam tanggungjawab dan selain dari itu.

Hak kebebasan semula jadi ini adalah dikira suatu kurniaan
Allah terhadap hambanya tidak seharusnya dibinasakan
atau ditahankannya tanpa perbicaraan. Dalam hal ini Islam
menghendaki agar keadilan ditegaskan kezaliman dan pengani-
yaan dan penyelewengan hendaklah dihapuskan.

Keadilan yang dikehendaki oleh Islam ialah keadilan yang berdasarkan Undang-Undang Islamnya telah diturunkan oleh Allah kepada Rasulnya demi kesejahteraan seluruh umatnya dan memerintah kita agar melaksanakan keadilan dan menegapkan dengan tegas tanpa bertolak unsur dikalangan umat manusia sebagaimana Al-Quran menunjukan nasnya yang berbunyi :

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى ،

“ الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُو كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مَائَةً جَلْدٍ وَلَا تَمْخِضُكُمْ بِهَا رِأْيٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تَوْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يَمْعَدُ عَنِ ابْنَهَا طَائِشَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ”

Yang bermaksud :

Orang perempuan dan lelaki yang melakukan zina yang belum pernah berahwani mengikut hukum syarak, maka hendaklah kamu melaksanakan hukuman rotan setiap dari kedua-duanya dikenakan seratus rotan, jangan sekali-kali ada dikalangan kamu merasakan simpati atau kasihan belas terhadap kedua-duanya dalam melaksanakan hukuman Allah, jika kamu benar-benar beriman dengan Allah dan hari akhirat, supaya kamu dapat menyaksikan akan azab kedua-duanya terdiri dari golongan orang-orang mukmin.

(1)

(1) dari surah An-Nur ayat(2)

Dalam ayat ini jelas kepada kita bahawa sesuatu hukuman yang berkaitan dengan perbuatan zina dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan perbuatan itu tanpa memberi kasihan belas atau pertolongan yang dikira terhindarnya dari hukuman tersebut.

Islam juga meletakan suatu kaedah yang berbunyi :

” لجريمة ولا عتبة بلا نس في جرائم حدود وفي جرائم النساء
والنبلاء ”

yang diertikan tidak ada jarimah dan tidak ada hukuman tanpa nas dalam jarimah hudud dan jarimah kisas dan diat. ⁽²⁾

Keadah ini adalah merupakan kaedah syariat Islam yang telah dilaksanakan semenjak tiga belas kurun yang lalu dimana setelah turunnya nas Kitabu Allah (Al-Quran dengan ini keistimewaananya (syariat ke atas undang-undang wata'e (وصی) atau undang-undang ciptaan manusia yang mana ianya dikenali semenjak kebelangkangan ini kira-kira dari kurun yang ke lapan belas, yang telah dikararkan kali pertama dan diiklankan hak-hak manusia yang dikeluarkan dalam tahun 1789 mesihi sesudah itu dipindahkan kaedah ini ke dalam undang-undang perancis dan undang-undang Wathie yang lain. ⁽³⁾

(2) Abdul Kadir Audah Tasyrie Al-Jinai Al-Islami Jilid 1 Darul Turass Al Arabic Halaman 118 - 121.

(3) Afif Abdul Ratah Thabarrah, Roh Addinul Isham Tabok yang ke 16 Tahun 1977, Darul Malayyin Beirut Lubnan, Halaman 415.

BAB I

1. MENEGAKKAN KEADILAN ISLAM (MAHKAMAH)

Islam telah menjelaskan hak orang yang tertuduh melalui proses perbicaraan Mahkamah, beban bukti atau hujah ini dinyatakan dalam Kitab Allah, dan sunnah dan kias.

Sebagaimana Allah memparuntukannya.

قال الله تعالى ..

ان الله يا مِر بالعدل والاحسان وَايَتَا ذي القربي
وينهى عن الفحنا وَالمنكر والبغى يعطيكم لعلمكم
ذكرهن . (٤)

1.1. Maksud ayat :

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan (kebaikan) serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan malarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman lanya mengajar kamu dengan suruhan dan larangan itu supaya kamu mengambil peringatan mematuhiinya.

(4) Dari Surah An-Nahl Ayat (9)

Bahawa ayat ini dengan jelas menyuruh kita supaya melakukan atau menegakkan keadilan tanpa memilih bulu mengikut Undang-Undang Islam dan menyuruh kita berbuat baik, dan memberi bantuan kepada kaum keluarga atau kerabat yang terdekat terlebih dahulu kiranya mereka ini termasuk golongan yang berhajat dan mencegah dan menghapuskan dari perbuatan-perbuatan yang keji dan kemungkaran dan kezaliman yang berluasa hendaklah dihapuskan mudah-mudahan kamu mengambil peringatan sebagai tuntutan syarak.

قال الله تعالى ..

.. ان الله يا مركم ان تؤدوا والامانات الى
املاها و اذا حكمتم بين الناس ان تحكموا بالعدل ..⁽⁵⁾

1.2. Maksud ayat :

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan segala jenis amanah kepadanya yang berhak menerima dan apabila kamu menjalankan (menjatuhkan) hukuman di atas manusia ianya menyuruh kamu menghukumkan dengan adilnya.

(5) dari ayat Surah An-Nisa' ayat (58)

Bahawa ayat ini dengan tegas menyuruh kita supaya menjaga dan menyempurnakan amanah dan menghukum manusia dengan adil tanpa mengira perbizaan agama, warna kulit, bangsa, bahasa dan kebudayaan, hendaklah dipastikan hukuman yang adil dan saksama, hendaklah dilaksanakan, ini adalah menjadi tuntutan syarak yang tidak boleh ditolak ansurkan.

قال الله تعالى ..

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَامِينَ بِالْقُسْطِ
عَمَدًا لِلَّهِ وَلِوَالِيْلَهِ وَالْأَنْسَكِمْ وَالْوَالِدِينَ وَالْتَّرَبِينَ
أَنْ يَكُنْ عَدْيَا أَوْ فَقِيرَا فَإِنَّ اللَّهَ أَوْلَى بِهَا فَلَا
تَتَّبِعُوا الْعَوْيِيْنَ تَعْدِلُوْنَهُمْ وَلَا تَلْوُوْنَهُمْ وَلَا تَعْرُضُوْنَهُمْ
فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيرًا. (6)

1.3. Maksud ayat :

Wahai orang yang beriman hendaklah kamu menjadi orang-orang yang senantiasa menegakkan keadilan lagi menjadi seksi (yang memerlukan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu, kalau orang (yang didekwa) itu kaya atau miskin, maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi seksi.

(6) dari surah An-Nisa' ayat (135)

Yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya, oleh itu jangan kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan, dan jangan kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggang (daripada menjadi saksi) maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa-apa yang kamu lakukan.

- 1.4. Berdasarkan ayat ini dengan jelas menerangkan bahawa Allah memerintahkan agar kita menegakkan keadilan seperti yang ditetapkan olehnya melalui hukum-hukumnya menegakkan keadilan ini adalah merupakan kewajipan syarak setiap langkah yang boleh membantu ke arah ini, adalah menjadi tuntutan syarak, yang demikian mewujudkan acara pengadilan keadilan seperti acara jenayah dan acara mal dan Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah dan seterusnya yang bertujuan melicinkan dan memperkemaskan usaha ke arah menegakkan keadilan Islam dan Undang-Undang adalah sesuai dengan tuntutan syarak, kecuali perundangan Islam menegaskan bahawa sesuatu kewajipan itu jika tidak sempurna melainkan dengannya, maka ianya adalah wajib.
- مَا لَا يَمْلِكُ الْأَبْرَهُ فَمَوْلَاهُ وَاجِبٌ (7)

1.5. Kesaksian dan keterangan adalah penting didalam proses menegakkan keadilan, bahawa Allah telah menegaskan bahawa kesaksian dan keterangan diberikan kerana Allah, bukan kerana kepentingan duniaawi, yang demikian seseorang yang memberikan kesaksian atau keterangan hendaklah jujur dan ikhlas bukan kerana kepentingan salah satu pihak yang terlibat dalam pendakwaan, tetapi kerana Allah dan keadilan, saksi pendakwa umpamanya bukanlah untuk kepentingan pendakwa, tapi untuk Allah dan Mahkamah, saksi yang didakwa umpamanya bukan merupakan tugasnya ianya membantu malepaskan yang didakwa dengan memberikan keterangan tanpa kejujuran, tetapi tugasnya ialah mencari keredhaan Allah dan membantu Mahkamah agar dapat menghukum dengan adil.

Ayat di atas dengan tegas menerangkan, orang-orang yang beriman hendaklah menjadi saksi yang menerangkan kebenaran kerana Allah, sekalipun terhadap dirinya sendiri, ibu bapa kaum kerabat, sahabat andai, orang yang dikasihi, dihormati, dikasih dan seterusnya, adalah jelas kesaksian dan keterangan samada dari pihak yang di dakwa atau yang mendakwa adalah kerana Allah, dan keadilan untuk kepentingan, Mahkamah yang demikian tidak

timbul saksi belok atau menyeleweng atau khianat terhadap orang yang memanggilnya bagi kepentingan, berasaskan prinsip di atas adalah jelas bahawa kesaksian dan keterangan boleh dicabar, diuji dan dipastikan kesahihannya, dami untuk menegakkan keadilan.

Seterusnya Allah memperingatkan bahawa jangan kita enggan untuk menjadi saksi dan memberikan keterangan, atau kesaksian dan keterangan kita tidak jujur kerana sebab-sebab yang tertentu seperti parasaan bertimbang rasa cenderung sebelah pihak kasihan belas atau kita mempunyai kepentingan, kerana Allah lebih mengetahui dan bertimbang rasa, Allah seterusnya menegaskan bahawa jangan kamu turutkan hawa nafsu agar tidak menyeleweng. Tidaklah dapat dinafikan lagi bahawa hawa nafsu senantiasa menyebabkan kita menyeleweng dari kebenaran, menghalang kita dari memberikan keterangan dan kesaksian, kerana Allah, keadilan dan Mahkamah.

Allah juga memperingatkan kita supaya jangan memutarbelitkan keterangan, bahawa tidak dapat dinafikan lagi, sikap memutarbelitkan keterangan dan fakta amat berluasa dalam proses pengadilan yang tidak berteraskan akhlak dan iman,

malahan ada kalanya perbuatan tersebut dienggap satu keperluan demi kejayaan dalam perbicaraan. Seolah-olah kejayaan perbicaraan ialah kemenangan pihak-pihak terlibat semada yang didakwa atau yang mendakwa sedangkan kejayaan perbicaraan yang sebenarnya dalam Islam ialah kejayaan menegakkan kebenaran dan keadilan dan memberikan hak kepada yang berhak demi untuk mendapat keredhaan Allah.

Allah juga menegaskan bahawa seseorang yang diminta untuk menjadi saksi atau untuk memberikan keterangan hendaklah tampil kemuka keadilan dan janganlah enggan untuk memberikan kerjasama.

قال الله تعالى ..

وَلَا تَكُنُوا كَاذِبِيْنَ وَمَن يَكُنْهَا نَاهِيْا اَنْ
تَلْبِيْسَ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ عَلَيْهِ .. (8)

1.6. Maksud ayat:

Jangan kamu menyembunyikan keseksian, sesiapa yang menyembunyikan maka berdosalah hanya Allah mengatahui apa yang kamu kerjakan.

- 1.7. Berdasarkan ayat di atas bahawa Jelas menunjukkan sesiapa yang menjadi saksi, hendaklah pengakciannya itu benar dan ikhlas, semada saksi tersebut diberi secara sukarala kepada Mahkamah atau diminta oleh pihak Mahkamah maka ianya adalah dikira wajib

bercakap benar dan memberi keterangan pada Mahkamah secara jujur danikhlas tanpa niat disebaliknya dan jangan sekali-kali penyaksian yang dilakukan ini adalah kerana terpaksa, dan menyembunyikan perkara yang sebenarnya, kira berlaku hal sedemikian adalah dianggap ianya seorang yang pendusta, pengkhianat dan menerima dosa dan akan dibalas oleh Allah kerana Allah lebih mengetahui apa yang tersurat dan tersirat di hati manusia,

” قل الحق ولو كان مرا ”

katakanlah kebenaran sekalipun pahit lebih-lebih lagi dalam Mahkamah.

قال الله تعالى ..

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ مُهَمَّا
بِالْقُسْطِ يَجْرِمُكُمْ سَيْئَاتُ قَوْمٍ عَلَى إِلَّا تَعْدِلُوا اعْدُلُوا
هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوِيَةِ ” (٩) ”

1.8. Maksud ayat :

Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kaburkan kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa.

Dengan kandungan ayat di atas adalah jelas kepada kita bahawa Allah dengan tegas menyatakan bahawa tidak wajar bagi sesiapapun untuk menyembunyikan keterangan atau enggan memberi kesaksian dengan jujur sesiapa yang melakukan demikian bererti berdosa. Agak lebih besar dosa seseorang, jika ianya memutarbelitkan keterangan atau fakta-fakta yang boleh membantu menyelesaikan pertikaian.

Dalam masa yang sama agar keadilan dapat ditegakan kesaksian, keterangan dan fakta-fakta, jadi perlu dipastikan dan diuji kebenaran dan kesahihannya ini bermakna Islam memberarkan setiap orang yang dituduh atau didakwa untuk membela dirinya dan diberikan layanan yang baik dan adil. Seseorang itu tidak bersalah malaikin setelah dibuktikan yang ianya bersalah.

Kebebasan individu adalah menjadi prinsip yang asas dan hak pemerintah, seperti mana yang disebut oleh Amir Al-Mukmin, Ali bin Abu Talib.

فَقَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِي عَلَيْكُمْ هَذَا بِوْلَيَةً اَمْرَكُمْ وَلَكُمْ
عَلَىٰ مِنَ الْحُقْقَاءِ مِثْلَ الَّذِي عَلَيْكُمْ • (19)

- 1.9. Yang bermakna sesungguhnya Allah telah menetapkan hak saya terhadap kamu dengan menjaga urusan kamu dan menetapkan kewajipan kamu terhadap saya setimpal dengan hak kamu itu

dan prinsip ini juga menjadi amalan Khalifah Umar Ibnu Al Khattab.

٠٠ لَا تضربوا الْمُسْلِمِينَ قَتْلَوْهُمْ⁽¹¹⁾٠٠

- 1.10. Yang bermakna jangan kamu memukul orang Islam kerana ia bermakna kamu menghina mereka.

dari intisari kandongan ini kerap kali diulangi oleh Khalifah Umar dalam satu ucapan kepada pegawai-pegawaiannya.

٠٠ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا ابْعَثْتُ عَلَيْكُمْ لِيمْبُوا مِنْ أَبْشَارِكُمْ وَلَا مِنْ أَمْوَالِكُمْ إِنَّمَا بَعْثَتُكُمْ لِيَحْمِنُوا بِأَيْدِيكُمْ وَيَقْسِمُوا فِيمَنْ بَيْنَكُمْ عَنْ فَعْلِهِ غَيْرِ ذَلِكَ فَلِيَقُولُوا⁽¹²⁾٠٠

- 1.11. yang bererti Hai manusia sesungguhnya saya tidak menghantar pegawai-pegawai saya dengan tujuan mengapa apakah kamu atau mengambil harta benda kamu. Sesungguhnya saya menghantarkan mereka untuk tujuan melindungi kamu dan untuk membahagikan harta rampasan perang sesama kamu. Sesekali yang menerima tindakan di luar daripada itu ia hendaklah kemukakan perkara itu.

- 1.12. Berdasarkan prinsip yang dikemukakan itu adalah wajib bagi Pemerintah dan Mahkamah menjalankan keadilan yang benar-benar dituntut oleh syarak.

Dalam menegakkan keadilan bahawa Amira Mukminin Sayidina Omar Ibnu Al Khatab merupakan Khalifah yang kedua pernah mengutuskan kepada seorang Kadi iaitu Abu Musa Al Ashari yang bermaksud.

- 1.13. Perbicaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada Al-Quran Wasunah yang pertama hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepada mu sebelum apa-apa keputusan di buat, layanan sama rata yang sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapanmu dan dalam cara kamu memandang mereka juga dalam hukuman yang kamu jatuhkan. Dengan cara ini seseorang yang berkalsuan tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepadamu untuk menjadi seorang yang tidak adil, dan seseorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada keadilan mu, tugas untuk membuktikan adalah menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang mengikut cara, pedamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman, kecuali ia membenarkan sesuatu yang ditegah atau menegah sesuatu yang dibenarkan oleh Islam.

fahaman yang jelas setiap kes yang dibawa ke hadapan mu dalam perkara-perkara yang tidak ada nas dan Al-Quran dan Al-Sunnah tugas kamu ialah menggunakan kaedah kias ataupun perbandingan bagi tujuan memisahkan diantaranya perkara yang ada persamaan dengan tidak ada persamaan, kemudian cubalah sedaya upaya mencari keputusan yang dikira yang hampir atau dekat kepada keadilan dan ia boleh dianggap lebih baik disisi Allah jangan tunduk kepada perasaan marah atau bimbang dan jangan pula hilang pedoman kerana perbuatan orang-orang dibicarakan dihadapan mu (13)

Dimana dalam hal ini hadis telah menunjukkan kaedahnya sebagaimana hadis dari Omar Ibnu Alah

٠٠ اذا حاكم الحاكم فاجتهد فان الا جتهاد قبل
الحاكم ثم اصاب فله اجرانه فاذا حاكم واجتهد ثم
احطاً نله اجر قفق عليه ٠٠ (14)

1.14. Yang bermaksud:

Apabila seseorang hakim membuat keputusan setelah berusaha seberapa dayanya dan keputusan itu batul dan benar ia mendapat dua pahla, dan apabila ia membuat keputusan setelah berusaha seberapa daya upayanya dan ia tersilap maka ia mendapat satu pahla (14).

-
- (10) Abu Karim Zaidan Majunliah Buhath Fiqhiah Makiabah Al-Qds Baqdad 1395 - Halaman 1201.
 - (11) Xbidi Halaman 121.
 - (12) Al-Islam Said Hawa Jilid 1 Maniabah Wahbah Halaman 165.
 - (13) Doktor Mohd Imarah Kutub Thaqapah Majlis Watani Kuait Halaman 172 - 174 dan Prof. Mohd Ibrahim Jeneral Hukum Jilid 6 Bhg. 1. Halaman (24 - 25) dan Shafir Al Qasim Nizam Al Hakim bin Syarat Wa Tarikhu Al Islam Al Sultatu Khadiul Daru Nafas Tabak 1 Tahun 1398H - 1978 M. Halaman 439 - 442.
 - (14) Al Khalani Subula Salam Jilid (4)
Matbaah Mustaffa Al Babil Halabi
Halaman 117 - 118.

2. KEMULIAN MANUSIA

Sesungguhnya Allah Subha Nahu Wataala memuliakan manusia ia menciptakannya dengan kekuasaannya dan adalah meniu peroh dan dia lah memiliki apa yang ada di langit dan apa yang ada dibumi seluruhnya dan dia juga menjadi Khalifah di muka bumi ini dan dia menambahkan kekuatan dan pemberian untuk mengukuh bumi ini dan menjaminkan keseluruhannya apa yang telah ditentukannya kesempurnaan termasuk kebendaan dan rohaniah.

Manusia tidak mampu menyelidik dan mencapai matlamatnya dan menyampaikan tujuannya melainkan apabila wujud bahagian keseluruhan unsur-unsur pertumbuhan dan menjadi atau mengambil hak-haknya yang sempurna.

Kita perhatikan bagaimana hak-hak ini yang dijamin oleh Islam iaitulah hak hidup hak memiliki dan hak pilihara jua yang bersih dan hak kebebasan dan hak persamaan dan hak pembelajaran.

Sebagaimana Allah berfirman di dalam Al-Quran

وَلَقَدْ كُنَّا بْنِي آدَمْ وَحَسْلَنَا مُّمْ لِي الْبَرْ وَالْبَحْر وَرَزَقْنَا مُّمْ
مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَا مُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمْنَ خَلْقِنَا تَفْضِيلًا

2.1. Yang bermaksud:

dan sesungguhnya kamilah memuliakan bani Adam
dan kamilah yang membawa atau menanggong mereka
Ani di dunia di launtan dan kamilah memberi rezki
terhadap mereka dari benda-benda yang baik-baik
dan kamilah yang mengurniakan kelebihan kepada
mereka yang begitu banyak dari sesiapa yang kami
jadikan kelebihan. (15)

2.2. Berdasarkan ayat ini bahawa hak-hak ini wajib
bagi manusia di mana manusia hendaklah melihat
secara putus dan warnanya atau agamanya atau
sifat bangsanya atau atau tempat pe-
pemusatan masyarakat. (16)

Sebagaimana Nas Al Quran

قال الله تعالى ،

ولكم في القصاص حياة با اولى الالباب لعلكم
(17). تتقون

(15) Dari Surah Al Isra' Ayat(70)

(16) Sayid Sabiq Fiqah Sunnah Jilid 11 Tabak 11
Tahun 1392H - 1973M, Halaman 507 - 508.

(17) Dari Surah Al Baqarah ayat (179)

2.3. Dalam ayat ini bahawa Allah menyatakan hikmat Kiasas bahawasanya menyusun kehidupan individu dan masyarakat untuk menyamatkan terbumuh terhadap yang lain dan memelihara kedua-duanya dalam keadaan yang sejahtera dan seruan yang khusus terhadap mereka yang mempunyai fikiran yang luas dan mengetahui nilai hidup yang sebenarnya. ⁽¹⁸⁾

.....

(18) Afif Abdul Fatah Thabarrah Roh Al Dinu Islam Tabak yang ke 16 - 1977 Darul Ilmi Ummalayan Beirut. Halaman 415.